

04/09/2000

Rancangan ISNA hanya cakap-cakap kosong

Mior Kamarul Shahid

DI Chicago, Amerika Syarikat, setelah dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan, tidak terdengar langsung suara sumbang yang kononnya akan membuat kacau sebagaimana digembar-gemburkan oleh pihak yang menyokong tindakan Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA).

Sebenarnya, ISNA bukanlah badan berpengaruh walaupun ia persatuan induk yang mewakili beberapa pertubuhan Islam lain di Amerika Syarikat. Di negara ini, ada beratus-ratus persatuan yang mewakili umat Islam yang lebih berwibawa.

ISNA hanyalah sebuah pertubuhan yang lebih tertumpu kepada isu teologi sedangkan pertubuhan lain mengambil berat soal kebajikan dan kepentingan masyarakat Islam di negara itu. Janganlah disebabkan beberapa kerat pemimpin ISNA yang mempunyai hubungan dengan beberapa rakyat Malaysia, mereka mahu menunjukkan taring dengan isu yang tidak ada kaitan dengan umat Islam di Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat sendiri, banyak perkara lain yang boleh mereka perjuangkan untuk kepentingan masa depan umat Islam.

Daripada perbualan dengan beberapa umat Islam di Amerika, didapati tidak ramai yang tahu mengenai kewujudan ISNA. Jadi, kalau ISNA mahu membuat gempar dan mahu mencari publisiti murahan, rasanya matlamat mereka gagal.

Berita mengenai kongres itu pun tenggelam. Tidak ada orang yang peduli mengenai kongres yang mereka adakan walaupun dikatakan ada beberapa pemimpin pembangkang dari Malaysia dijemput berucap. Tak tahulah sama ada jadi atau tidak sebab di sini tidak ada orang yang peduli.

Hari ini adalah hari penghabisan lawatan Perdana Menteri di Chicago. Nampaknya, ISNA hanya mengejar bayang-bayang. Ramalan terakhir ialah demonstrasi akan diadakan ketika Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan pelajar dan rakyat Malaysia di negara ini di majlis merayakan Hari Kebangsaan hari ini.

Kita tunggu sajalah, sama ada ia menjadi kenyataan atau cakap kosong saja. Ketika mula tiba di sini, ada juga desas-desus yang mungkin sengaja disebar oleh pengikut ISNA bahawa mereka akan menghalang mana-mana pemimpin pertubuhan Islam lain untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir.

Kononnya, sebaik saja mendapat tahu nama pemimpin pertubuhan yang membuat temu janji dengan Dr Mahathir, mereka akan menghantar mesej melalui cara mereka, apa lagi kalau tidak melalui Internet, supaya membatalkan hasrat mereka.

Sehingga saat akhir, ISNA sendiri tidak tahu siapa yang sudah membuat temu janji dengan Dr Mahathir. ISNA pun nampaknya kena main. Tanpa mempedulikan `ugutan', mereka menghubungi pegawai di Chicago supaya memberi sedikit masa, walaupun lima minit, untuk bertemu muka dengan Dr Mahathir.

Agak pelik juga jika masih ada pertubuhan, apatah lagi di Amerika, yang memberi kebebasan kepada rakyat untuk melakukan apa saja, cuba menggunakan kuasa ke atas orang lain. Sepatutnya, ISNA, walaupun badan induk kepada persatuan Islam lain, memberi kebebasan kepada sesiapa saja untuk berbuat apa saja. Nampak sangat pendirian ISNA tidak selari dengan prinsip kebebasan yang mereka perjuangkan terhadap apa yang berlaku di Malaysia.

Hakikatnya, pemimpin pertubuhan Islam berkenaan mempunyai urusan penting dengan pemimpin Malaysia itu dan ada perkara yang hendak dibincangkan. ISNA duduk diam-diam sudahlah walaupun kita tahu ada usaha beberapa

pemimpin mereka untuk menemui Perdana Menteri meskipun setelah menarik balik jemputan mereka.

Tindakan mereka itu tidak masuk akal langsung. Apakah setelah menarik balik jemputan, mereka mahu mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir? Tidak hairanlah permohonan mereka tidak dapat diterima atas soal prinsip.

Apa yang jelas, di majlis penyampaian anugerah kepimpinan cemerlang American Finance House (AFH)-Lariba kelmarin, dewan penuh sesak dengan sarjana Islam dari seluruh Amerika. Walaupun mereka mewakili umat Islam dari Pakistan, India, Syria, Bosnia-Herzegovina, negara Arab dan sebagainya, mereka begitu kagum dengan sikap dan kepimpinan Dr Mahathir. Mereka mendengar ucapan Dr Mahathir dengan penuh minat. Malah, mereka memberi tepukan gemuruh ketika dan selepas beliau berucap.

Menurut pemerhati, ISNA sebenarnya mendapat gambaran yang silap mengenai Dr Mahathir. Setelah berusaha lebih lima kali berurusan sejak beberapa bulan lalu untuk mendapat persetujuan Dr Mahathir berucap di kongres mereka, tetapi di saat-saat akhir mereka menarik balik jemputan itu.

Mereka mungkin beranggapan dengan penarikan balik jemputan itu, Dr Mahathir akan membatalkan lawatannya ke Chicago. Tanggapan mereka salah lagi. Tujuan utama lawatan Dr Mahathir bukan untuk menghadiri kongres mereka.

Sekali pun jemputan itu tidak ditarik balik, Dr Mahathir hanya akan berada kira-kira sejam di majlis ISNA. Dari segi peratus, satu jam daripada 72 jam (tiga hari) ketika berada di sini, adalah terlalu kecil. Jadi, tidak perlulah ISNA beranggapan tindakan mereka itu boleh menjejaskan rancangan Dr Mahathir. Melihat kepada pemimpin dan wakil pertubuhan Islam yang menemui Dr Mahathir, jelas ISNA bukanlah sebuah pertubuhan yang bertaring.

(END)